

26/09/1998

Orang ramai perlu elak perangkap penganjur

Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Jumaat - Orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyertai perhimpunan haram anjuran penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi mengelak terperangkap dalam perbuatan jenayah.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata pihaknya bimbang dalam keadaan tegang itu, ada pihak cuba mengambil kesempatan dengan meracuni fikiran orang ramai untuk melakukan perbuatan jenayah, seperti mencuri, merogol, membunuh dan merosakkan harta benda awam.

"Kita tak tahu antara orang ramai yang berarak dan berhimpun itu mungkin ada yang menumpang dan cuba mengambil kesempatan dalam keadaan riuh rendah itu untuk melakukan kekacauan.

"Oleh itu, tindakan polis meminta orang ramai tidak menyertai perhimpunan haram adalah wajar. Kita bimbang ia akan menjadi barah jika lambat dicegah," katanya ketika mengulas amaran polis bahawa tindakan tegas akan diambil ke atas penganjur atau sesiapa yang menyertai perhimpunan haram bagi menyokong gerakan reformasi Anwar.

Beliau juga menasihatkan pelajar agar menumpukan perhatian dalam pelajaran dan tidak terbabit dalam kegiatan tidak berfaedah demi masa depan mereka.

Menurutnya, mereka sendiri yang akan susah jika ditahan polis dan keluarga yang mengharap mereka menumpukan perhatian kepada peperiksaan akan kecewa.

"Saya harap mereka tidak terseret dalam masalah ini dan cubalah memahami situasi politik negara. Kerajaan dan Umno sudah memutuskan untuk memecat Anwar maka mengapa mereka perlu campur tangan dalam urusan berkenaan," katanya.

Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia (4B), Datuk Wira Ali Rustam, pula berkata Anwar ingin mengambil alih kerajaan secara revolusi dengan melancarkan gerakan reformasi.

Menurutnya, perhimpunan sedemikian boleh menyebabkan negara tidak aman serta keselamatan orang ramai turut terancam.

Mengenai peraturan melarang perhimpunan melebihi lima orang tanpa permit, beliau berkata, kerajaan terpaksa menguatkuasakannya terutama dalam situasi gawat sekarang bagi menjamin keselamatan orang ramai.

Setiausaha Kelab Wawasan Melayu Malaysia, Sharifah Thalha Syed Ahmad, berkata pihaknya tidak bersetuju dengan sebarang perhimpunan di tempat awam yang boleh mencetuskan rusuhan.

Menurutnya, tindakan itu kadang-kadang menyebabkan orang ramai yang tidak tahu-menahu mengenai perhimpunan itu turut terperangkap dan dikenakan tindakan polis.

Beliau juga menasihatkan orang ramai agar tidak terpengaruh dengan khabar angin yang mungkin didalangi pihak tertentu yang ingin melihat negara kacau bilau.

"Tidak mungkin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sudah banyak berjasa kepada negara membuat tindakan yang tidak betul. Beliau terpaksa memecat Anwar selepas memperolehi banyak bukti," katanya.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Prof Hamdan Adnan, berkata orang ramai perlu mematuhi undang-undang demi keselamatan negara.

"Jika negara kucar-kacir, maka ekonomi negara sukar untuk dipulihkan," katanya.

Mengenai tindakan polis ke atas perusuh sebelum ini, beliau berkata, polis terpaksa berbuat demikian kerana dicabar dan seolah-olah dipersenda apabila amaran yang diberi tidak diendahkan.

Menurutnya, polis sebelum ini berlembut dengan membiarkan Anwar menjelajah ke beberapa negeri untuk membersihkan namanya.

"Bagaimanapun, Anwar akhirnya terpaksa ditahan selepas didapati cuba menggalakkan orang ramai merusuh," katanya.

Naib Presiden Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Datuk Lee Lam Thye, pula berkata perhimpunan melebihi lima orang mesti mempunyai permit dan peraturan itu perlu dipatuhi.

Menurutnya, Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor sudah memberi amaran agar orang ramai tidak menyertai perhimpunan haram bagi menyokong gerakan reformasi.

(END)